

13/08/1997

Pemimpin Bosnia kagum wawasan Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa - Pengerusi Bersama Majlis Menteri-menteri Bosnia-Herzegovina, Boro Botic, berkata negara yang mempunyai perancangan dan membentuk masa depan yang baik tentu akan berjaya.

"Kami kagum dengan wawasan kerajaan Malaysia dan cara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membentuk masa depan negara ini," katanya pada jamuan tengah hari anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di sini, hari ini bagi meraikan lawatan beliau dan seorang lagi pengerusi bersama majlis itu, Dr Haris Siladjic.

Botic yang mewakili masyarakat Serb, berkata sejak berada di sini Ahad lalu, beliau mendapati Malaysia menemui formula terbaik bagi menyelesaikan masalah politik dan ekonomi.

Katanya, paling penting ialah beliau dan anggota rombongannya mendapati rakyat dan kerajaan Malaysia sedar hanya perkongsian kekayaan secara adil dapat menjamin kestabilan politik sesebuah negara.

"Ada banyak projek pembinaan di Kuala Lumpur dan kami percaya begitu juga di seluruh negara," katanya.

Botic berkata, lawatan itu memberi peluang kepada mereka memahami perancangan untuk pembangunan di Malaysia.

"Wawasan 2020 dan Koridor Raya Multimedia (MSC), yang diilhamkan Dr Mahathir, jelas menunjukkan kebolehan kepemimpinan negara ini membentuk dan merancang masa depan Malaysia," katanya. - Bernama

(END)